



## KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

KP(BS)8591/Jld.VIII / (67)

2 April 1997

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 2/1997 :**  
**Pengiktirafan Persatuan Seni Bela Diri**  
**Sebagai Persatuan Pakaian Seragam Sekolah**

---

Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan ketetapan Kementerian Pendidikan Malaysia mengiktiraf kegiatan Seni Bela Diri sebagai Pasukan Pakaian Seragam Sekolah.

2. Dengan pengiktirafan ini sekolah-sekolah hendaklah menentukan supaya kegiatan Seni Bela Diri yang diwujudkan di sekolah mematuhi perkara-perkara berikut :

- a. Persatuan/Kelab/Pasukan yang ditubuhkan hendaklah bergabung dengan badan induk yang berdaftar;
- b. Kurikulum latihan hendaklah tetap dan diiktiraf oleh badan induk;
- c. Sistem pengiktirafan hendaklah jelas dan diterimapakai oleh badan induk; dan
- d. Semua anggota hendaklah memakai pakaian seragam yang lengkap semasa menjalankan latihan atau di majlis-majlis rasmi sekolah.

3. Sila maklumkan ketetapan ini kepada semua sekolah di negeri Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**(TAN SRI DATUK DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN)**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

---

Kementerian Pendidikan Malaysia, Paras 7, Blok J, Pusat Bandar Damansara, 50604 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2556900 Fax : 03-2535150

- s.k
1. Y.B. Datuk Seri Mohd Najib b. Tun Haji Abdul Razak  
Menteri Pendidikan Malaysia
  2. Y.B. Datuk Haji Mohd. Khalid b. Mohd. Yunus  
Timbalan Menteri Pendidikan
  3. Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn  
Timbalan Menteri Pendidikan
  4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Ketua-Ketua Bahagian  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  8. Ketua Unit Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan Malaysia